

# Surah al-Baqarah tetapkan tanggungjawab khalifah

**Abdul Hadi Abd Aziz,**

Jabatan Bahasa  
Antarabangsa, Pusat  
Pengajian Bahasa,  
Universiti Tun Hussein  
Onn Malaysia (UTHM)

**Surah** al-Baqarah yang terpanjang dalam al-Quran dan diturunkan di Madinah menjadi surah Madaniyah mengandungi banyak hukum serta peraturan membimbing umat Islam dalam kehidupan.

Ia membahas tiga kategori manusia, iaitu Muslim, kafir dan

munafik serta ciri dan perbezaannya, sekali gus memberi pengajaran kepada umat Islam mengenai kepentingan iman teguh, ketekunan menjalankan ajaran agama serta menjauhi sikap kufur dan munafik yang dapat menghalang daripada mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat.

Surah dinamakan 'al-Baqarah' kerana mengisahkan kisah lembu sapi dan perintah terhadap Bani Israel untuk menyembelih haiwan berkenaan itu, membahas pelbagai aspek kehidupan seperti hukum agama, ajaran moral, petunjuk kehidupan berkeluarga, ekonomi mahupun politik.

Sheikh Dr Solah al-Khalidi dalam Ta'rif 'Am bi Suwar Al-Quran menyebutkan surah al-Baqarah bersama surah Ali Imran digelar Az-Zahrawan oleh Rasulullah SAW yang secara bahasanya bererti dua bercahaya atau dua yang cerah, sekali gus menandakan kelebihan kedua-duanya dapat memberi naungan dan teduhan kepada Mukmin pada kiamat kelak.

Rasullah SAW bersabda: "Bacalah al-Quran kerana ia akan datang sebagai syafaat pada Kiamat kepada pembacanya. Bacalah az-Zahrawan, dua yang menerangi: surah al-Baqarah dan surah

Ali Imran kerana mereka akan datang sebagai dua awan, dua warna atau dua kawanan burung dalam barisan, mempertahankan orang membaca mereka (surah) pada kiamat. Bacalah surah al-Baqarah kerana membacanya adalah rahmat, meninggalkannya adalah penyesalan dan ahli sihir tidak dapat mengatasinya."

## Pendinding kepada sihir

Keistimewaan lain surah ini juga dapat menjadi pendinding kepada sihir. Tukang sihir tidak mampu melawannya seperti dijelaskan Rasulullah SAW dalam hadis berkenaan.

Ibnu Mas'ud RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa membaca 10 ayat daripada surah al-Baqarah pada satu malam, maka rumah berkenaan tidak akan dimasuki syaitan pada malam terbabit hingga pagi, iaitu empat ayat awal surah al-Baqarah, ayat al-Kursi, dua ayat selepasnya dan tiga ayat terakhir dalam surah al-Baqarah." (Hadis riwayat Darimi)

Walaupun hadis ini berstatus ma'quf (sanad tidak bersambung), ulama membenarkan untuk beramal dengannya dalam perkara fadail atau kelebihan.

Penurunan surah ini berlangsung selama 10 tahun, manakala satu ayat daripada surah ini menjadi penutup al-Quran, iaitu ayat terakhir diwahyukan Allah SWT kepada Rasulullah SAW.

Ayat terakhir itu berada pada ayat ke 281, firman Allah SWT: "*Dan peliharalah dirimu daripada (azab terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberi balasan sem-*

*purna terhadap apa dikerjakannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan)."*

Sheikh Solah menegaskan surah al-Baqarah sentiasa 'terbuka' selama 10 tahun itu dengan penurunan ayat baharu, bahkan ada kesinambungan antara ayat lama dengan baharu tanpa ada pemisahan atau perbezaan.

Ini antara kaedah tematik (koheren) terdapat dalam surah al-Quran. Ia bermaksud al-Quran terdiri daripada pelbagai surah diturunkan dalam tempoh waktu berbeza dan dalam konteks berbeza tetapi keseluruhan isi al-Quran bersatu dalam menyampaikan keterangannya secara konsisten.

Ini menunjukkan setiap surah meskipun mungkin berbeza dari sudut panjang atau pendeknya, berbeza struktur atau bahasanya, ia tetap mengandungi tema sama dan saling melengkapi.

Tambahnya, tema utama surah ini ialah 'Khalifah' dengan permulaannya menceritakan pengkhalifahan Bani Adam AS di atas muka bumi. Namun disebabkan kejahatan dan kerosakan manusia lakukan, jawatan khalifah itu terlucut.

Pada bahagian kedua bermula dari ayat 143, ia membahaskan pengkhalifahan atau pelantikan umat Muslim sebagai khalifah, sekali gus menjadi penghormatan besar yang mesti dipertahankan.

Melalui surah ini, Allah SWT menetapkan manhaj sebagai khalifah menjalankan tanggungjawab dalam isu kepercayaan, ekonomi, akhlak, undang-undang, ibadah dan jihad.